

30/12/1998

Peristiwa menarik sepanjang 1998

Hizral Tazzif Hisham

TEKNOLOGI maklumat (IT), Koridor Raya Multimedia (MSC), Cyberjaya dan Putrajaya, nama yang amat asing bagi rakyat Malaysia tiga tahun dulu. Ketika itu jika disebut perkataan berkenaan, hanya sebahagian kecil mengetahui tetapi lebih ramai tercari-cari makna serta pengertiannya.

Namun senario itu sudah berubah, sebut saja perkataan IT, ramai rakyat Malaysia akan terbayang komputer dan pelbagai perisian dan perisian yang berkaitan untuk dimanfaatkan.

Walaupun masih ramai yang tidak memahami secara mendalam makna perkataan berkenaan tetapi ia berjaya menimbulkan tarikan untuk mereka mempelajarinya.

Tahap pertama iaitu menimbulkan kesedaran dengan memberikan publisiti meluas usaha yang dilakukan kerajaan dan sektor swasta untuk meningkatkan kefahaman kepentingan IT boleh disifatkan berjaya.

Bagaimanapun, tahap seterusnya lebih kritikal daripada langkah pertama yang sudah dilaksanakan, iaitu bagaimana menjadikan IT budaya rakyat negara ini.

Ia bukan kerja mudah tetapi tidak mustahil untuk dilaksanakan. Pelbagai inisiatif telah, sedang dan akan dilakukan bagi memupuk budaya berkenaan agar subur dan berkembang di kalangan rakyat negara ini.

Kempen kesedaran yang dilancarkan kerajaan menggunakan media elektronik dan cetak di samping menjelajah ke seluruh negara oleh Jabatan Penerangan sedikit sebanyak membantu menimbulkan kesedaran mengenai IT.

Ditambah lagi dengan usaha gigih Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menggalakkan rakyat Malaysia membudayakan IT dalam kehidupan mereka serta mempromosikan MSC di luar negara bagi menarik pelaburan ke dalam projek berkenaan.

Sebagai mengiktiraf usaha gigih itu, PM diberi anugerah tertinggi oleh Pertubuhan Persatuan Industri Perkomputeran Asia Oceania (Asocio) kerana visinya menyediakan Malaysia memasuki era digital.

Malaysia juga memainkan peranan proaktif untuk menggalakkan penggunaan IT di kalangan negara membangun bagi memastikan mereka tidak ketinggalan dalam perlumbaan era digital melalui penyertaan dalam pelbagai persidangan, forum dan dialog.

Bagi memastikan rakyat di negara ini, terutamanya generasi muda memenuhi keperluan guna tenaga dalam MSC, keperluan mewujudkan sekolah bestari dilakukan kerajaan dengan sokongan sektor swasta.

Citibank misalnya, menyumbangkan RM50,000 melalui program pendidikan ruang siber untuk menubuhkan makmal IT di Sekolah Kebangsaan Dato Abu Bakar Baginda di Kajang.

Kerajaan turut komited untuk menyediakan projek perintis 90 Sekolah Bestari di seluruh negara yang dijangka dapat disiapkan mengikut jadual.

Selain itu, pelbagai persidangan dan pameran berlangsung untuk terus merangsang minat rakyat dengan bidang IT.

Persidangan tahunan Infotech/ITX, jualan terus komputer dari gudang (PC Fair), SDA 98, Multimedia Asia 98, Asocio 98 dan Abac menjadikan IT lebih menarik untuk dipelajari.

Segala aktiviti IT di Malaysia tidak sah jika MSC tidak dibicarakan kerana ia adalah inisiatif strategik negara sebagai persediaan memasuki era siber. Kesungguhan NTT Jepun melalui anak syarikatnya, NTT MSC Sdn Bhd mendirikan pusat penyelidikan dan pembangunannya (R&D) di MSC menunjukkan keyakinan pelabur terhadap rancangan MSC.

Pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang merangkumi pusat inkubator, teknologi maklumat dan telekomunikasi, latihan dan pemindahan teknologi adalah pusat penyelidikan NTT yang kedua terbesar di luar Jepun dengan pelaburan permulaan RM50 juta.

Ia dijangka siap Mei tahun depan dengan kekuatan 100 pekerja menjelang tahun 2000, merangkumi pekerja berpengetahuan dari seluruh dunia selaras dengan polisi global NTT MSC.

NTT MSC akan melakukan penyelidikan dalam bidang tambah nilai untuk sistem rangkaian global Arcstar dan menawarkan rumusan perkhidmatan penyelesaian secara keseluruhan untuk syarikat multinasional, termasuk frame relay, talian suwa dan penyedia Internet.

Tegasnya, jika kita tinjau segala aktiviti IT yang berlangsung tahun ini nyata sekali kerancangan untuk terus menerus menyuburkan budaya IT di kalangan rakyat bagi memastikan benih yang sudah mula bercambah ini dapat tumbuh subur menjadi pokok.

Populariti sudah ada, kefahaman sedikit sebanyak sudah disemai. Hanya yang perlu kini ialah keberanian meneroka dan berinovasi selaras dengan usaha negara mewujudkan industri multimedia negara.

(END)